



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**

Bilangan 8 Tahun 2018

**CUTI SEMESTER PROFESIONAL PERAKAUNAN
(SESI JANUARI – JUN 2018)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua pelajar program Profesional Perakaunan berhubung dengan cuti semester bagi pelajar Association of Certified Chartered Accountants (ACCA) dan Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) mulai 9 Jun 2018 sehingga 15 Julai 2018 dan bagi pelajar Certified Accounting Technician (CAT) pula, cuti bermula pada 4 Julai 2018 sehingga 15 Julai 2018.

LATAR BELAKANG

2. Para pelajar khususnya yang tinggal di kolej kediaman adalah dikehendaki mengosongkan bilik kolej kediaman masing-masing mulai :-
 - i) ACCA/CIMA : 9 Jun 2018 (Sabtu)
 - ii) CAT : 4 Julai 2018 (Rabu)
3. Pelajar yang bercadang tinggal di kolej sewaktu cuti perlu mendapatkan kelulusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar melalui Unit Kemudahan Kolej seminggu sebelum tarikh cuti semester bermula. Bayaran akan dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan. Pelajar yang tinggal tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan oleh pihak pengurusan kolej.

TARIKH DIKELUARKAN


- 4 Pekeliling dikeluarkan pada 25 Mei 2018.

TARIKH KUATKUASA

- 5 Pekeliling ini mula berkuat kuasa bagi pelajar ACCA/CIMA pada 9 Jun 2018. Manakala bagi pelajar CAT pula mula berkuatkuasa 4 Julai 2018.

PEMAKAIAN

6. Pemakaian Pekeliling ini adalah untuk semua pelajar yang tinggal dan yang bercadang tinggal di kolej kediaman UiTM semasa cuti semester bermula.



PROF. DATO' DR. ABDULLAH MOHAMAD SAID
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Dikelilingkan Kepada:

1. Pengarah Pembangunan Pelajar HEP
2. Dekan Fakulti Perakaunan
3. Timbalan Pendaftar Kanan
4. Pengetua-Pengetua Kolej
5. Ketua Unit Kemudahan Kolej
6. Pengurus-Pengurus Asrama Kolej
7. Ketua Polis Bantuan UiTM
8. YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
9. YDP Majlis Perwakilan Kolej (JPK), Kolej

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Bil Fail : 100-HEP(UKK .6/5)
Tarikh : 24 Mei 2018